

EXETAS 25MG TABLET

Exemestane Tablets (25mg)

Apakah kandungan risalah ini

1. Apakah kegunaan Tablet Exetas 25mg.
2. Bagaimana Exetas berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Exetas
4. Cara menggunakan Exetas.
5. Semasa menggunakan Exetas
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Exetas
8. Maklumat Produk
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Tablet

Exetas 25mg

Tablet Exetas 25mg dicadangkan untuk rawatan adjuvan bagi wanita selepas menopause dengan kanser payudara awal invasif reseptor positif estrogen, setelah terapi tamoxifen adjuvan selama 2 – 3 tahun.

Exetas dicadangkan sebagai rawatan untuk kanser payudara pada tahap yang teruk bagi wanita dengan status menopause secara semula jadi atau dicetuskan, di mana penyakit telah bertambah teruk selepas terapi anti-estrogen. Keberkesanan tidak ditunjukkan dalam pesakit dengan status reseptor estrogen yang negatif.

Bagaimana Exetas berfungsi

Exetas berada dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai perencat aromatase. Ubat ini mengganggu dengan suatu bahan yang dipanggil aromatase, yang diperlukan untuk menghasilkan hormon seks wanita, estrogen, terutamanya dalam wanita selepas menopause. Pengurangan tahap estrogen dalam badan ialah cara untuk merawat kanser payudara yang bergantung kepada hormon.

Sebelum menggunakan Exetas

-Bila tidak boleh menggunakan

- Anda alah terhadap exemestane atau apa-apa bahan lain dalam tablet Exetas.
- Anda masih mengalami haid, iaitu jika anda masih belum mengalami menopause.
- Anda hamil
- Anda masih menyusukan bayi

-Sebelum menggunakan Exetas

- Sebelum rawatan dengan Exetas, doktor anda mungkin mahu mengambil sampel darah untuk memastikan anda telah menopause.
- Beritahu doktor anda jika anda mempunyai masalah dengan hati atau buah pinggang anda.
- Beritahu doktor anda jika anda mempunyai sejarah osteoporosis atau patah tulang.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

- Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil atau baru-baru ini telah mengambil apa-apa ubat lain, termasuk ubat yang diperoleh tanpa preskripsi.

Kanak-kanak dan remaja (di bawah usia 18 tahun)

Exetas tidak boleh digunakan untuk kanak-kanak atau remaja.

Orang yang lebih tua (berumur 65 tahun dan ke atas)

Tablet Exetas boleh digunakan oleh orang berusia 65 tahun dan ke atas pada dos yang sama seperti orang dewasa lain.

Mengambil Tablet Exetas dengan makanan dan minuman:

- Makan dan minum tidak mempengaruhi rawatan anda dengan Tablet Exetas.

Kehamilan dan penyusuan:

- Tablet Exetas tidak dicadangkan ketika mengandung dan menyusukan anak.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda untuk nasihat sebelum mengambil apa-apa ubat.

Cara menggunakan Exetas

-Berapa banyak harus digunakan

Dos tablet Exetas yang biasa ialah sebiji tablet setiap hari selepas makan.

-Bila perlu digunakan

Sentiasa ambil tablet Exetas seperti yang doktor beritahu anda.

Mengambil Tablet Exetas pada masa yang sama setiap hari akan membantu anda untuk mengingat bila untuk mengambil tablet anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil tablet Exetas setiap hari untuk selama mana yang doktor memberitahu anda. Mungkin anda perlu menggunakannya selama berbulan-bulan, atau malah bertahun-tahun. Jika anda mempunyai apa-apa soalan tentang berapa lama untuk terus mengambil tablet Exetas, berbincang dengan doktor anda.

-Jika terlupa untuk menggunakan

Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang anda terlupa itu. Kemudian ambil dos seterusnya seperti biasa.

-Jika mengambil berlebihan (terlebi dos)

Jika anda mengambil terlalu banyak Exetas secara tidak sengaja, berbanding dos yang anda diberitahu untuk mengambilnya, atau jika seseorang yang lain mengambil ubat anda secara tidak sengaja,

hubungi doktor anda atau hospital untuk nasihat dengan serta-merta. Bawa ubat tersebut bersama anda.

Semasa menggunakan Tablet Exetas

-Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda menjadi hamil semasa mengambil Tablet Exetas, beritahu doktor anda dengan serta-merta.

Anda tidak patut mengambil ubat ini semasa anda hamil.

Ikuti arahan doktor anda dengan berhati-hati.

Jika anda tidak mengikuti arahan doktor anda, rawatan anda mungkin tidak membantu atau anda mungkin mempunyai kesan sampingan yang tidak diingini.

Pastikan anda menyimpan semua temu janji doktor anda supaya perkembangan anda boleh diperiksa.

Doktor anda mungkin mahu menjalankan ujian darah dari semasa ke semasa untuk memeriksa perkembangan anda dan mengesan sebarang kesan sampingan yang tidak diingini. Doktor anda juga mungkin memutuskan untuk memeriksa kesihatan tulang anda kerana ubat ini mungkin menyebabkan osteoporosis.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, ingatkan doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil Tablet Exetas.

Beritahu mana-mana doktor, doktor gigi atau ahli farmasi lain yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Tablet Exetas.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan gunakan Tablet Exetas untuk merawat aduan yang lain kecuali doktor anda membenarkannya.

Jangan berikan ubat ini kepada orang lain, walaupun simptom mereka kelihatan sama dengan simptom anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa memandu, mengendalikan mesin atau melakukan tugas yang memerlukan anda untuk berjaga-jaga semasa anda mengambil Tablet Exetas sehingga anda mengetahui bagaimana ia memberi kesan kepada anda.

Ubat ini mungkin menyebabkan pening kepala atau keletihan bagi sebahagian orang. Jika anda mempunyai apa-apa simptom ini, jangan memandu atau melakukan perkara lain yang boleh menjadi berbahaya.

Kesan-kesan sampingan:

Seperti semua ubat, tablet Exetas boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Kebanyakan kesan sampingan itu adalah ringan hingga sederhana, dan selalunya akan menghilang selepas beberapa hari hingga beberapa minggu sesi rawatan. Namun begitu, jika ia teruk dan berlarutan semasa beberapa hari, beritahu doktor anda.

Kebanyakan kesan sampingan ini dikaitkan dengan kekurangan Estrogen (contohnya rasa panas badan "hot flushes").

Kesan-kesan sampingan yang amat biasa, (memberi kesan terhadap lebih daripada 1 dalam 10 orang)

- kemurungan
- sukar untuk tidur
- sakit kepala
- pening kepala
- "hot flushes"
- sakit perut
- rasa loya
- enzim hepatic meningkat
- bilirubin darah meningkat
- K Fosfatase meningkat
- berasa tidak sihat
- perpeluhan yang meningkat
- sakit otot dan sendi (termasuk osteoarthritis, sakit belakang, arthritis dan kekakuan sendi)
- keletihan

Kesan-kesan sampingan biasa (memberi kesan terhadap 1 hingga 10 dalam 100 orang):

- hilang selera
- "carpus tunnel syndrome" (gabungan semut-semut, kekebasan dan sakit pada seluruh pada tangan kecuali jari kelingking)
- sakit perut, muntah (tidak sihat), sembelit, ketakcernaan, cirit-birit
- ruam kulit, kehilangan rambut
- osteoporosis menyebabkan patah tulang (patah atau retak) dalam sesetengah kes
- bengkok tangan dan kaki

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [Consumers -> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Exetas

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak. Simpan dibawah suhu 30 °C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air sisa atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Produk

- Rupa dan warna produk

Tablet Exetas 25mg dibungkus dalam blister legap putih PVC/PVdC-Alu. Setiap cetakan karton mengandungi 3 blister.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Exemestane 25mg

- Bahan tidak aktif

Mannitol, Cellulose

Microcrystalline,

Crospovidone, Sodium starch

Glycolate (Type A),

Hypromellose E5,

Polysorbate 80,

Colloidal Anhydrous Silica,

Magnesium stearate,

- Salutan tablet

Hypromellose 6cp (E464),

Macrogol (400)

Titanium dioxide (E171)

- Nombor MAL

MAL17085041AZ

Pengilang

Intas Pharmaceuticals Ltd.

Matoda, 382 210,

Dist.- Ahmedabad

INDIA

Pemegang Pendaftaran

Produk

Accord Healthcare Sdn. Bhd. (1035160D)

Suite 12A-15, Level 12A, Wisma Zelan

No 1 Jalan Tasik Permaisuri 2

Bandar Tun Razak

56000 Kuala Lumpur

Tarikh kemaskini RiMUP

22/Aug/2022

Nombor Siri: NPRA(R2/1)220819/935